

PENCETUS UTAMA KONFLIK PERKAHWINAN SEPANJANG FASA PERTAMA PERKAHWINAN DALAM KALANGAN PASANGAN MUDA: KAJIAN KES SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Hamid Mohamad @Asanar
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Marziah Zakaria
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Email: marziah@ukm.edu.my

Jamiah Manap
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhamad Ariff Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

ABSTRAK

Fasa pertama perkahwinan sering dikaitkan dengan fasa krisis, fasa penyesuaian dan fasa tekanan. Kejayaan pasangan muda melalui fasa ini akan menjamin kestabilan perkahwinan dan kelangsungan institusi keluarga. Penceraian merupakan ancaman utama kepada pasangan muda dalam fasa pertama perkahwinan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pencetus konflik perkahwinan sepanjang fasa pertama perkahwinan (1-10 tahun) dalam kalangan pasangan muda di Negeri Selangor. Reka bentuk kajian kualitatif dengan teknik temu bual separa berstruktur berdasarkan pendekatan fenomenologi digunakan di dalam kajian ini. Persampelan kajian yang digunakan adalah persampelan bukan kebarangkalian iaitu dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan atau "purposive sampling". Pengkaji menetapkan ciri-ciri yang perlu ada pada informan iaitu berkahwin dalam tempoh 1 hingga 10 tahun, tinggal dan bekerja di Selangor dan berumur kurang daripada 40 tahun. Saiz sampel untuk kajian kualitatif ini adalah seramai enam (6) orang dan dipilih berdasarkan teknik variasi maksimum. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis temantik ke atas transkrip temubual responden. Hasil analisis menunjukkan terdapat tiga (3) pencetus utama konflik perkahwinan dalam kalangan pasangan muda iaitu krisis kewangan, masalah komunikasi, dan campur tangan keluarga. Pencetus konflik ini jika tidak ditangani akan memburukkan lagi kualiti perkahwinan seterusnya boleh membawa kepada penceraian. Modul pengurusan konflik akan dicadangkan bagi membantu pasangan muda yang baru berkahwin mencapai kefungsi dan kualiti dalam perkahwinan, terutamanya pada fasa pertama perkahwinan.

Kata Kunci: konflik perkahwinan, fasa pertama perkahwinan, pasangan muda, krisis

PENGENALAN

Kualiti perkahwinan merupakan konstruk yang perlu diberikan perhatian dewasa ini rentetan daripada pelbagai cabaran yang dihadapi oleh institusi perkahwinan. Perpecahan keluarga atau penceraian semakin meruncing dalam masyarakat Malaysia. Isu ini perlu ditangani segera memandangkan ia memberi kesan yang sangat besar kepada kesejahteraan emosi dan mental seluruh ahli keluarga. Punca utama konflik yang dilaporkan oleh kajian-kajian lepas adalah psikologi, seksual, sosio-budaya dan ekonomi (Demeke, 2019; Olugbenga, 2018). Perbezaan gaya komunikasi antara lelaki dan wanita menjadi punca konflik dan ketidakpuasan dalam perkahwinan (Lavner, Karney & Bradbury, 2016). Pada masa kini, perceraian telah menjadi sebahagian kehidupan yang sangat umum. Pengurusan konflik yang proaktif akan menurunkan kadar perceraian dan meningkatkan lagi kualiti perkahwinan pasangan pada fasa pertama perkahwinan (Pathan, 2015).

Statistik perceraian yang berlaku di Malaysia merupakan indikator sosial yang membimbangkan. Kajian yang dijalankan oleh HELP University College melaporkan kadar perceraian di Malaysia telah meningkat sebanyak 105% iaitu dari 16,013 pada tahun 2002 kepada 32,763 pada tahun 2009. Statistik perceraian juga menunjukkan jumlah perceraian dalam kalangan pasangan muslim adalah lebih tinggi berbanding dengan bukan muslim. Statistik terkini yang dilaporkan oleh Statistik Perkahwinan dan Penceraian Malaysia 2020 menunjukkan tren yang tidak sihat yang mana jumlah rakyat Malaysia yang berkahwin menunjukkan penurunan sebanyak 1.2 % iaitu daripada 206, 352 pada tahun sebelumnya kepada 203, 821 pada tahun 2020. Statistik perceraian pula menunjukkan peningkatan iaitu 12% peningkatan daripada 56, 975 pada tahun 2019 berbanding 50, 862 pada tahun sebelumnya (Bernama, 2020).

Kegagalan pasangan suami isteri memainkan peranan masing-masing akan menyumbang kepada konflik dan ketidakstabilan dalam rumahtangga. Perkahwinan merupakan satu kitaran hidup yang dibangunkan oleh komunikasi, jangkauan, penyesuaian dan pencapaian. Fasa pertama perkahwinan adalah fasa perkenalan dan penerimaan tanggungjawab dan peranan yang baharu (Olugbenga, 2018). Konflik adalah satu fenomena yang tidak dapat dielakkan dalam fasa pertama perkahwinan. Justeru kemahiran pengurusan konflik dalam perkahwinan perlu dikuasai bagi mengurangkan risiko perceraian. Setiap konflik yang wujud dalam perkahwinan perlu ditangani segera dengan penuh komitmen.

Oleh itu, pengurusan konflik yang berkesan sangat perlu dipraktikkan, sebelum konflik yang kecil menjadi lebih besar dan menyebabkan keruntuhan rumahtangga. Tasew dan Getahun (2021) melaporkan bahawa responden kerap mempraktikkan teknik persaingan, kolaborasi, kompromi, akomodasi dan pengelakan. Teknik konstruktif akan membantu pasangan muda untuk keluar segera daripada konflik dan mengambil pengajaran daripada konflik yang telah dihadapi. Manakala teknik destruktif akan memburukkan lagi keadaan dan meningkatkan lagi tekanan dalam perkahwinan (Tolorunleke, 2014).

Konflik wujud apabila terjadi pertentangan antara kehendak, nilai atau tujuan yang dicapai sehingga menyebabkan keadaan tidak tenteram sama ada dalam diri individu mahu pun dengan orang lain. Konflik biasanya dimanifestasikan sebagai pergaduhan, kemarahan, kekerasan, atau kebencian (Igbo et al., 2015). Konflik dalam perkahwinan berlaku apabila timbul perselisihan atau pertentangan pendapat, kehendak serta perancangan di antara suami isteri sekaligus mengganggu sistem keharmonian sesebuah rumah tangga (Norhayati Hamzah, 2006). Bagi mengurus konflik yang berlaku, pasangan suami dan isteri terlebih dahulu perlu mengenal pasti pencetus atau punca timbulnya konflik dalam rumah tangga (Cherni, 2013). Konflik perlu diurus untuk mengelak daripada kesan jangka masa pendek dan panjang konflik seperti tekanan, kemurungan, keganasan rumah tangga, keresahan dan putus asa dalam perkahwinan (Meaza, 2014; Pathan, 2015; Tasew & Getahun, 2021). Konflik boleh dibahagikan kepada dua jenis sifat, iaitu konstruktif dan destruktif. Konflik konstruktif bersifat membina, iaitu cuba mewujudkan suasana yang harmoni, mengelakkan permusuhan dan memberikan kerjasama dengan pihak yang terbabit. Manakala, konflik destruktif pula bersifat membinasa. Pihak yang terlibat sentiasa tidak berpuas hati dan beranggapan bahawa keputusan penyelesaian terhadap sesuatu masalah itu tidak adil pada dirinya. Oleh itu, terdapat unsur protes baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Namun, terdapat pelbagai pencetus kepada konflik perkahwinan dalam kalangan pasangan muda yang dilaporkan oleh kajian-kajian lepas. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia kini turut menjadi punca yang mencetus kepada konflik dan perceraian dalam kalangan pasangan muda. Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan juga memberi kesan kepada situasi ekonomi, sosial dan psikologi, terutamanya kepada golongan B40 dan M40. Ramai yang hilang punca pendapatan dan kebanyakan mereka ini tidak mempunyai simpanan kecemasan kerana berpendapatan harian jika dibandingkan dengan mereka yang bekerja di sektor awam (Sukriah Ismail et al., 2020). Situasi ini mendorong kepada peningkatan kes perceraian dan konflik dalam perkahwinan. PKP sepatutnya memperkukuhkan lagi hubungan antara suami dan isteri. Sebaliknya, ia telah menjadi pendorong kepada pelbagai konflik, kes penderaan, keganasan rumah tangga dan perceraian terutamanya dalam kalangan pasangan muda yang baharu berkahwin (Mariam Abd Majid, 2018). Oleh itu, prosiding ini akan meneroka pencetus konflik perkahwinan kepada pasangan muda semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP), disamping merumuskan gaya pengurusan konflik yang dapat mengelakkan berlakunya perpecahan dalam keluarga.

METODOLOGI

Data yang dikemukakan dalam artikel ini diperolehi menerusi reka bentuk kajian kualitatif dengan teknik temu bual separa berstruktur berdasarkan pendekatan fenomenologi terhadap enam (6) orang responden yang berada pada fasa pertama perkahwinan (1-10 tahun). Teknik pemilihan sampel kajian yang digunakan adalah persampelan bukan kebarangkalian iaitu dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan atau "*purposive sampling*" dengan memilih informan daripada kumpulan homogenous tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria pasangan yang sudah berkahwin kurang dari 10 tahun. Kriteria responden untuk kajian kualitatif ini ialah: pasangan muda berumur 40 tahun ke bawah, telah berkahwin dalam tempoh 1-10 tahun, dan tinggal di Selangor. Pengumpulan data iaitu temu bual dijalankan semasa tempoh PKP3 iaitu Jun hingga September 2021.

Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkripsi temu bual yang disahkan dianalisis berdasarkan tema. Latar belakang responden seperti jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Latar belakang responden

ID Responden	Jantina	Tempoh berkahwin	Bil. anak
R1	Lelaki	8 tahun	3
R2	Perempuan	3 tahun	0
R3	Lelaki	9 tahun	3
R4	Perempuan	9 tahun	1
R5	Lelaki	2 tahun	0
R6	Perempuan	2 tahun	0

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pencetus utama konflik

Kesemua responden menjelaskan bahawa konflik wujud dalam kehidupan rumah tangga mereka. Hasil analisis menunjukkan terdapat tiga (3) pencetus utama konflik perkahwinan dalam kalangan pasangan muda iaitu krisis kewangan, masalah komunikasi dan campur tangan keluarga.

a) Krisis Kewangan

Konflik sering berlaku pada fasa pertama perkahwinan akibat dari krisis perkahwinan. Menurut R3; "*dari segi income tu saya dah down... pasal pendapatan rumahtangga saya telah berkurangan. Ha... dan kat situ lah konflik utama dalam saya punya family*".

Seterusnya R3 menyatakan; “*contoh dalam konflik ini saya cuba dapatkan kerja untuk saya punya wife, tapi malangnya sampai sekarang bayang pun tak dapat. Aaa... apa yang saya buat... saya work fully untuk family, saya kurangkan perbelanjaan saya*”.

R4 menyatakan bahawa; “*saya punya konflik adalah dari segi kewangan, satu konflik saya, mula-mula kewangan*”. Menurut R5 pula; “*konflik dia yang paling utama adalah kewangan....masing-masing ada kehendak, ada kemahuan dan kita punya kadar... orang kata tu...duit masuk pun agak..agak..tak la macam orang yang bergaji tinggi. Ha... so benda kat situ akan mencabar la sikit*”.

Kehidupan dalam fasa pertama perkahwinan tentunya agak sukar kerana kebanyakan responden masih dalam proses membina kerjaya. Ada yang berkahwin sebelum mempunyai kerja tetap dan stabil. Kehidupan di bandar pula menuntut perbelanjaan yang sangat tinggi. Tekanan kewangan akan lebih dirasakan apabila mula mendapat zuriat. Jika hanya suami sahaja yang bekerja, banyak penyesuaian hidup yang perlu dilakukan oleh pasangan muda seperti mencari pendapatan sampingan, menjalankan perniagaan kecil-kecilan atau bekerja dari rumah. Pasangan muda juga harus mengorbankan banyak keinginan dan kemahuan mereka untuk memastikan keperluan utama dapat dipenuhi.

Situasi ini mudah sahaja menyetuskan konflik dalam perkahwinan apabila pendapatan semakin berkurang, komitmen pula semakin meningkat, perbelanjaan melebihi pendapatan dan bebanan hutang semakin bertambah. Pathan (2015) menegaskan bahawa dalam hubungan yang sihat, kedua-dua pasangan akan berusaha untuk menerima dan menyelesaikan konflik. Namun, terdapat juga situasi yang mana pasangan muda gagal untuk melakukan penyesuaian dan perubahan hidup untuk menangani konflik, terutamanya konflik yang tercetus daripada krisis kewangan. Konflik yang berpanjangan akan membawa kepada krisis rumah tangga seperti tinggal berasingan, perpisahan dan perceraian. Sebagaimana Tolorunleke (2014) mengutarakan bahawa perkara yang dianggap kecil selalunya boleh menjadi punca kepada pertelingkahan jika ia tidak ditangani dengan baik.

b) Masalah Komunikasi

Masalah komunikasi adalah senario yang sering berlaku di antara pasangan suami isteri dalam rumah tangga (Mariam Abd Majid, 2018). Konflik boleh berlaku dalam rumah tangga disebabkan tiada komunikasi yang efektif. Ini diakui oleh R4 yang menyatakan bahawa; “*Asyik bergaduh aje. Maksudnya ada berselisih faham je. Ada yang tak kena, ada yang tak puas hati...kita pun tak tahu apa yang dia tak puas hati dengan kita. Dia pun tak tahu apa yang kita tak puas hati dekat dia..*”

R6 pula menyatakan bahawa; “*kesan daripada diam tu hehe... kurang berkomunikasi la antara dua pihak, suami dan isteri. Memang orang kata kalau selalu.... Hari-hari tak ada laa. Kalau selalu la saya buat macam tu, mungkin macam orang kata konflik dalam rumahtangga*”.

Kebanyakan responden bersetuju bahawa masalah komunikasi sering menjadi punca kepada konflik dalam perkahwinan. Halangan dan jurang dalam komunikasi akan membawa kepada bibit-bibit konflik dalam rumah tangga (Tiruwork, 2015). Kemahiran dan teknik komunikasi yang lemah juga akan memburukkan perselisihan dalam rumah tangga. Contohnya, gagal mendengar dengan baik, cepat menghukum dan membuat kesimpulan, mengamalkan komunikasi satu hala, tidak berterus terang dan telus serta mengelak daripada perbincangan. Somit (2015) melaporkan bahawa konflik dalam perkahwinan boleh berlaku setiap bulan (1-2 kali sebulan), malah setiap minggu. Kajian ini mendapati seramai 6 daripada 10 orang pasangan mengalami konflik setiap minggu (59.1%). Dianggarkan 1/3 daripada perkahwinan pertama berakhir dengan perceraian kerana konflik yang dihadapi (Afework, 2010). Kajian juga mendapati sebanyak 27% perkahwinan di kawasan bandar berakhir dengan perceraian kerana konflik dalam perkahwinan. Osarenren (2013) juga turut melaporkan bahawa konflik dalam perkahwinan sering kali tercetus kerana ketidaksefahaman, jurang komunikasi, masalah kewangan, gangguan orang ketiga, dan campur tangan mertua.

c) Campurtangan Keluarga

Campurtangan keluarga juga boleh menjadi pencetus kepada pertengkaran dan pertelingkahan antara pasangan muda. Menurut R1, campurtangan keluarga terutama ibu bapa mertua akan membawa kepada konflik, “*haa kita tak boleh nak cakap walaupun mak kita matang, tidak dalam situasi ini bagi saya kadang-kadang dia lebih tidak matang daripada pihak saya...haa jadi kat situ lah konflik yang kami pasangan lah hadapi. Jadi dalam tempoh lima tahun yang pertama tu memang boleh dikatakan crucial juga lah kan*”.

Justeru, konflik mula wujud apabila ibu bapa mencampuri urusan rumahtangga anak-anak. Menurut R2 pula, campurtangan ibu bapa memang wujud dari awal perkahwinan mereka; “*konflik tu memang ada, macam mana kita nak faham ibu dia, ibu dia nak faham kita. Kita baru, walaupun kita dah kenal lama, kita duduk satu rumah cara dia dari segi mana. Dari segi makan pun kadang-kadang kita dah terbiasa makan macam ni, dia lain. So itu kadang-kadang jadi konflik juga, haa*”. R4 pula menyatakan bahawa; “*suami saya sendirilah yang kena ubah diri dia jua, bantu? Nak buat macam mana saya duduk rumah mak mertua saya. Saya je yang tanggung*”.

Setelah berkahwin, pasangan muda tentunya perlu menyesuaikan diri dengan keluarga mertua. Namun, dalam kebanyakan kes, penyesuaian ini memakan masa yang lama. Tidak mudah bagi mereka untuk menyesuaikan diri apatah lagi menerima norma, nilai, budaya dan cara hidup yang baharu. Situasi menjadi lebih kritikal apabila mereka tinggal bersama dengan ibu bapa mertua. Ada sesetengah keluarga mertua yang suka mengongkong, mengkritik, menyindir, menyalahkan dan memburukkan menantu (Cherni, 2013). Ada juga yang suka membandingkan semua menantu-menantu mereka. Sikap ini hanya akan mencetus konflik kepada pasangan dan memberikan tekanan yang hebat. Jika mereka tinggal serumah atau berdekatan, tekanan yang dihadapi setiap hari boleh membawa kepada perceraian dan masalah kesihatan mental serta fizikal.

Kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa isu anak menjadi punca keluarga mertua campur tangan. Responden melaporkan bahawa mereka sering diasad dengan persoalan anak kerana masih lagi belum direzekikan dengan zuriat. Persoalan-persoalan tentang anak sering memberi tekanan kepada mereka dan boleh mencetus konflik dalam perkahwinan mereka. Mereka mengakui telah berusaha untuk mendapat zuriat dengan melalui beberapa rawatan. Meaza dan Wobedel (2014) turut mengenal pasti punca-punca konflik perkahwinan. Kajian ini turut bersetuju bahawa isu anak boleh menjadi pencetus kepada pertelingkahan dan konflik dalam perkahwinan. Penyelidik merumuskan bahawa punca utama adalah kurangnya kerjasama, kurang masa berkualiti, isu anak, personaliti, latar belakang keluarga dan komitmen kepada perkahwinan.

Hayati Ibrahim (2016) turut melaporkan bahawa antara punca perceraian adalah campur tangan orang ketiga (termasuk keluarga). Beliau melaporkan bahawa antara punca yang mendorong kepada perceraian adalah masalah seksual seperti khunsa, lesbian, homoseksual atau gay, seks luar tabii dan mengubah suai alat kelamin; masalah sosial, kesihatan, masalah kerjaya, lemah didikan agama termasuk mengamalkan syirik, sihir dan ilmu hitam; faktor ekonomi, campur tangan orang ketiga; masalah kerjaya; tidak bertanggungjawab serta masalah komunikasi. Oleh itu, masalah-masalah ini perlu ditangani segera sebelum ia terus merosakkan rumah tangga pasangan-pasangan muda. Komunikasi dan perbincangan berterusan perlu dijalankan untuk mencapai persepakatan dan penyelesaian. Modul-modul khusus boleh dirangka dan dirancang bagi membantu pasangan yang berada dalam fasa pertama perkahwinan menangani konflik perkahwinan yang sedang mereka alami.

Limitasi Kajian

Limitasi kajian ini adalah pasangan muda yang berusia 18 tahun hingga 23 tahun, pasangan yang mempunyai usia perkahwinan dalam lingkungan setahun (1) hingga sepuluh (10) tahun, tinggal bersama di sekitar negeri Selangor, warganegara Malaysia yang sudah bekerja. Mereka juga hendaklah berkahwin secara sah dari segi agama dan undang-undang Malaysia dan Informan yang ditemubual juga dipastikan mengamalkan monogami.

RUMUSAN

Konflik yang berterusan dalam perkahwinan boleh memberi kesan kepada kesejahteraan keluarga, perkembangan anak-anak, dan kesejahteraan psikologi. Kajian menunjukkan bahawa kemurungan, keresahan, tekanan, gangguan makan dan trauma boleh tercetus kerana konflik perkahwinan. Ia juga meningkatkan risiko kepada masalah kesihatan fizikal seperti darah tinggi, jantung, kanser, dan sebagainya. Oleh itu, konflik dalam perkahwinan perlu diurus dengan efektif dan serius. Konflik dalam perkahwinan bukan sahaja masalah peribadi yang perlu ditangani oleh pasangan, malah ia merupakan masalah sosial atau isu sosial yang perlu ditangani bersama. Pakar dalam bidang psikologi, kaunseling, kerja sosial dan perundangan perlu terlibat sama dalam membantu dan memberi bimbingan kepada pasangan yang menghadapi konflik.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada FSSK dan UKM kerana membiayai persidangan melalui Tabung Agihan Penyelidikan (TAP-K016936). Terima kasih juga kepada responden yang telah bersetuju untuk ditemubual dan memberi input kepada kajian ini.

RUJUKAN

- Afework, E. (2010). Major contributing factors and consequences of divorce in Ethiopia (published thesis), Addis Ababa University.
- Akademika 87(2), (Ogos 2017:77-87) *Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga (Conflict Management Styles and Its Impact on Family Institution in Novel Saga)* Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama'yah Zakaria
- Anastasiou, S. & Belios, E. (2020). Effect of Age on Job Satisfaction and Emotional Exhaustion of Primary School Teachers in Greece. *Eur. J. Investig. Health Psychol. Educ.* 10, 644-655.
- Avgar, A. (2020). Integrating Conflict - A Proposed Framework for the Interdisciplinary Study of Workplace Conflict and Its Management. *ILR Review*, 73(2), 281-311
- Bernama (2020). Jumlah kahwin menurun, cerai meningkat. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020>
- Che Pa,B & Matsyah,A (2013). Konflik Politik dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VI 2013*, Sarawak. 18-19 September 2013 Kuching, Serawak, pp. 572.
- Baisden, E.D.; Fox, J.J.; Bartholomae, S.(2018) Financial Management and Marital Quality: A Phenomenological Inquiry. *J. Financ. Ther* 2018, 9, 47–71. [CrossRef]
- Cherni, R. (2013). Strategi Komunikasi Dalam Mengatasi Konflik Rumah Tangga Mengenai Perbezaan Tingkat Penghasilan Di Rt.29 Samarinda Seberang. *E-Journal Ilmu Komunikasi*, 1(1), 212–227.
- Adi Nugroho,D & Santosa, B (2017). Resolusi Konflik Dalam Keluarga Berbasis Kesetaraan Gender. *Jurnal Sosiologi DILEMA*, 32(1), 91–96.
- Demeke, W. (2019). Determinants of marital conflict among governmental employed workers in Debre Markos town. *Bahir Dar Journal of Education*, 19(2), 125-137
- Gladu R.(2001) A multilevel mediation approach to conflict management in a family practice residency program. *Fam Med*. 2001;33(8):573–576.
- Hafizah, N., Hassan, N. A., Harun, A. S. A., Nayan, L. M., Ahmad, R., & Rosli, M. M. (2017). Conflict Management Among Malay Married Couples: An Analysis on Their Strategies & Tactics. *Asian Social Science*, 13 (10), 95. doi :10.5539/ass.v13n10p95
- Haliza, A. S., Hasnizam, H. & Intan Nadia, G. K. (2012). Krisis Rumah Tangga: Punca-Punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang*, 4(8), 67–86. Diakses dari <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/9408>
- Ibrahim, H (2016). 92,678 bahagia hanya seketika. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/03/120188/92678-bahagia-hanya-seketika>.
- Igbo, Awopetu & Ekoja (2015). Relationship Between Duration of Marriage, Personality Trait, Gender and Conflict Resolution Strategies of Spouses. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 190, 490 – 496. doi: 10.1016/j.sbspro.2015.05.032

- Kilmann RH, Thomas KW (1977). Developing a forced-choice measure of conflict-handling behavior: the "MODE" instrument. *Educ Psychol Meas.* 1977;37(2):309–325. doi:10.1177/001316447703700204.
- Kurniawati, A. (2013). *Dampak Psikologis Kehidupan Keluarga Pada Pernikahan Poligami*, Disertasi Sarjana, Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia.
- LPPKN (2014). Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2014. Bahagian Kependudukan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Malaysia.
- Lavner, Karney & Bradbury (2016) Does Couples' Communication Predict Marital Satisfaction, or Does Marital Satisfaction Predict Communication? <https://doi.org/10.1111/jomf.12301>
- Abd Majid M, Abu Bakar S, Marlon MY, Bokhari N. (2018). Faktor Konflik Rumah tangga Dan Kaedah Mengatasi: Satu Pendekatan Tinjauan Literatur Sistematis, 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Meaza, M. (2014). Sources of Marital Conflict, the Relationship between conflict Resolution Mechanisms and Marital satisfaction among Married People. Jemo1, Addis Ababa, Addis Ababa University.
- Noor Syaibah, S., Norazilah, J., Norhasima, A., & Syazwana, A. (2016). Perceraian dalam kalangan pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Malaysia Journal of Social Science*, 1, 36–52. Diakses dari <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/50>
- Osarenren, N. (2013). The impact of marital conflicts on the psychosocial adjustment of adolescents in Lagos Metropolis, Nigeria. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies*, 4(2), 320–326.
- Pathan, Z. A. (2015). Adversities of Marital Conflict: A Sociological Analysis. *Journal of Humanities and Social Science*, 20(2), 19–25.
- Somit, P. (2015). Prevalence and consequences of spouse conflict in primary care. Retrieved from: <https://www.researchgate.net/publication/276410189>.
- Ismail,S Tajul Urus,NS Isa Binawae,F & Siraji,AHAS (2020). Perlindungan Hak Isteri Terhadap Unsur Narsisisme dan Gaslighting dalam Konflik Keganasan Rumah Tangga Impak Pandemik COVID-19. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 24(2), 88-117.
- Tasew, A. & Getahun, K. (2021). Marital conflict among couples: The case of Durbete town, Amhara Region, Ethiopia. *Cogent Psychology*. 8. 1903127. 10.1080/23311908.2021.1903127.
- Tiruwork, T. (2015). Inter parental conflict and its influence on adolescent's academic self-regulation, Addis Ababa University, Addis Ababa.
- Tolorunleke, C. A. (2008). Conflict resolution practices amongst couples in Ijumu L.G.A. of Kogi state. Unpublished Master's Thesis, Faculty of education, University of Abuja. Tolorunleke, C. A. (2014). Causes of Marital Conflicts Amongst Couples in Nigeria: Implication for Counselling Psychologists. Article in *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 140, 21–26. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.381>
- Dimon, Z Mohd Rapini, A & Dahalan,H (2018). Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor. *International Conference on Islamiyyat Studies*. 18-19 September 2018, Hotel TENERA, Bandar Baru Bangi, pp. 302-311.